

LATIHAN RUMUSAN

Baca petikan dan teliti poster yang disertakan dengan teliti, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan poster.

Bahan 1 - Petikan

Semangat kejiranan merupakan aspek yang penting dalam kehidupan bermasyarakat. Semangat ini perlu diterapkan dalam diri dan masyarakat kerana semangat ini merupakan salah satu tuntutan dalam agama. Islam telah menekankan kepentingan menjalinkan hubungan dalam kalangan masyarakat sekeliling. Dalam konteks kejiranan, umat Islam perlu sentiasa menghormati, menjaga keselamatan, dan harta benda jiran tetangga.

Dengan adanya semangat kejiranan ini, sesuatu masalah dapat diatasi dengan segera. Malahan aktiviti-aktiviti kejiranan juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk di sesebuah kawasan perumahan. Memang tidak dapat dinafikan lagi, pelaksanaan Rukun Tetangga di bawah jawatankuasa kejiranan setempat juga dapat melahirkan individu yang bertanggungjawab seterusnya mampu membentuk masyarakat yang berjiwa murni.

Dalam era globalisasi ini, sikap mementingkan diri dan sikap tidak mempedulikan orang lain semakin menebal seperti yang terkandung dalam pepatah Melayu “bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing”. Dalam hal ini, pengukuhan semangat kejiranan akan melenyapkan sikap buruk ini dan membentuk semangat bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Oleh itu, dengan meningkatkan semangat kejiranan, perpaduan akan bertambah kukuh.

Kesimpulannya, hidup berjiran amat penting dalam kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana semangat ini mendatangkan banyak manfaat dan menyatupadukan seluruh masyarakat. Jelaslah bahawa betapa penting dan besarnya peranan jiran dalam membentuk kemakmuran dan kesejahteraan sesebuah negara. Oleh itu, masyarakat haruslah berganding bahu seia dan sekata dalam usaha menjadikan kehidupan berjiran sebahagian daripada amalan dan budaya masyarakat di Malaysia.

Bahan 2 - Poster



_____ kepentingan semangat kejiwaan dan langkah-langkah menyemarakkan semangat kejiwaan.

Antara kepentingan semangat kejiwaan ialah _____. Selain itu, _____ dan _____. Seterusnya, _____ serta _____. Akhir sekali, _____.

Langkah menyemarakkan semangat kejiwaan ialah _____ dan _____. Kesimpulannya, _____.

aktiviti-aktiviti kejiwaan juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk di sesebuah kawasan perumahan

sesuatu masalah dapat diatasi dengan segera

bergotong-royong membersihkan kawasan kampung atau petempatan penduduk setempat

mampu membentuk masyarakat yang berjiwa murni

membentuk kemakmuran dan kesejahteraan sesebuah negara.

menyatupadukan seluruh masyarakat

Rukun Tetangga di bawah jawatankuasa kejiwaan setempat juga dapat melahirkan individu yang bertanggungjawab

saling bantu-membantu semasa acara kenduri-kendara